

Daging rusa, kambing di Ekspo Pertanian UPM

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Pelbagai produk pertanian dan ternakan berkualiti boleh diperoleh orang ramai di Ekspo Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena Pesta Konvo UPM Ke-41 yang bermula pada 3 hingga 8 November depan.

Bahagian Taman Pertanian Universiti UPM melalui satu kenyataan berkata, sepanjang ekspo berlangsung pelbagai produk seperti daging kambing dan rusa termasuk susu lembu berkualiti tinggi akan dijual pada harga

berpatutan.

Menurutnya, walau bagaimanapun bekalan daging rusa dan kambing yang dijual itu bergantung kepada stok yang terhad yang diternak pihak universiti sendiri.

“Pameran Ternakan atau ‘mini zoo’ turut berlangsung di tapak ekspo itu nanti yang akan memperkenalkan haiwan ternakan antaranya rusa baka *Cervus-timorensis* yang boleh mencapai berat sehingga 80 ke 100 kilogram.

“Fokus pameran merangkumi

penjagaan rusa ternakan serta ciri-ciri haiwan itu termasuk pengetahuan berhubung habitat dan pembiakan selain pengunjung turut berpeluang memberi makan dan bergambar bersama-sama,” menurut kenyataan itu di sini hari ini.

Selain itu, turut dijadualkan sepanjang ekspo berlangsung sesi bersama pakar rujuk haiwan kesayangan dan haiwan ternakan selama dua hari pada 4 dan 5 November bermula pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari secara percuma.



PENGUNJUNG
berpeluang
memberi makan
dan bergambar
bersama rusa
baka *Cervus*
-timorensis
sepanjang
Ekspo Pertanian
Universiti Putra
Malaysia bermula
pada 3 hingga 8
November depan.